



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

BANTUAN AMAL PESTA CAHAYA MEMBERI SINAR HARAPAN KEPADA KOMUNITI INDIA B40 DI WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 19 Oktober 2019 –YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan bantuan amal Deepavali kepada 300 keluarga yang akan menyambut perayaan Deevapali pada minggu hadapan.

Pemberian bantuan amal ini merupakan salah satu inisiatif kementerian dalam mengeratkan hubungan sesama masyarakat majmuk seterusnya memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat terutamanya di Wilayah Persekutuan.

Penyerahan bantuan amal ini dibuat secara kerjasama strategik oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan KK Mart. Semua penerima bantuan terpilih adalah dari senarai eKasih. Pihak DBKL memberi bantuan wang tunai RM150.00 kepada setiap keluarga manakala pihak KK Mart pula menyumbangkan barangan keperluan harian seperti beras, tepung, minyak masak dan lain-lain barangan dapur. Kerjasama dua hala seperti ini perlu dicontohi oleh syarikat-syarikat swasta dan NGO yang lain untuk sama-sama tampil memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan sebagai salah satu tanggungjawab sosial masyarakat (CSR).

Pemberian bantuan amal ini secara tidak langsung dapat meringankan beban komuniti India B40 yang ingin membuat persiapan menyambut perayaan Deepavali dengan keluarga. Kementerian sentiasa prihatin terhadap kebajikan masyarakat di Wilayah Persekutuan dan menyediakan pelbagai program di bawah Inisiatif Wilayah Peduli seperti program jati diri, bantuan pengangkutan Van Wilayah, bas percuma GoKL, bantuan peralatan kesihatan dan banyak lagi untuk memastikan warga Wilayah Persekutuan sentiasa hidup dalam keadaan yang selesa dan sejahtera.

Pelaksanaan program-program Inisiatif Wilayah Peduli ini dapat merealisasikan hasrat kementerian untuk membantu warga Wilayah Persekutuan dalam menaiktaraf kehidupan sosio ekonomi bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian kehidupan warga kota di Wilayah Persekutuan.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
19 Oktober 2019**